

Budaya rewang semakin dilupakan

Mungkin tidak ramai yang maklum akan maksud 'budaya rewang,' lebih-lebih lagi golongan muda. Rewang adalah istilah Jawa yang memberi makna tolong-menolong dan bergotong-royong untuk sesuatu majlis seperti perkahwinan, doa selamat dan cukur jambul.

Rewang memberi banyak manfaat kerana hidangan kenduri dimasak secara bersama. Sanak saudara dan jiran tetangga

“
Warisan ini kian ditinggalkan dan semakin dilupakan yang mungkin lenyap ditelan zaman”

berkumpul pada acara rewang dengan masing-masing mengambil tugas tanpa alasan, kerana ia adalah satu kebiasaan.

Perkukuh ukhuwah, ikatan kekeluargaan

Ada yang mengupas bawang, mengukur kelapa, memotong daging, dan memasak selain tugas

membasuh pinggan mangkuk. Suasana ini secara tidak langsung membawa kepada keutuhan ukhuwah dan ikatan kekeluargaan serta masyarakat setempat.

Bagaimanapun, kini budaya rewang mula ditinggalkan dan tidak lagi dijadikan tradisi. Ia menjadi persoalan dan tanda tanya dalam kalangan mereka yang mahukan tradisi ini terus dijunjung, adakah ia berlaku kerana perubahan zaman atau generasi muda tidak mengerti nilai warisan?

Budaya rewang kini diambil alih perkhidmatan katering. Ada yang berpendapat ia sama sahaja dan tiada beza. Ya, sememangnya pada dasarnya apa yang diperlukan adalah hidangan tersedia serta majlis berlangsung dengan jaya.

Realitinya warisan ini kian ditinggalkan dan semakin dilupakan yang mungkin lenyap ditelan zaman. Budaya rewang adalah tradisi nenek moyang kita, justeru jangan kita tinggalkan.

Muhammad Arif,
Universiti Sains Islam Malaysia